

Gagal seludup keluar syabu, burung

25 September 2019

Gagal seludup keluar syabu, burung

KOTA TINGGI - Cubaan lelaki warga Indonesia menyeludup keluar dadah syabu bernilai kira-kira RM120,000 dan 190 ekor pelbagai jenis burung gagal apabila dia diberkas di Sungai Rengit di sini pada Ahad lalu.

Dalam operasi Ops Landai pada pukul 11.10 malam itu, lelaki berusia 30 tahun terbabit ditahan sepasukan anggota dan pegawai Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua.

Komander PPM Wilayah Dua, Asisten Komisioner Paul Khui Khon Chiang berkata, suspek ditahan



SEORANG lelaki Indonesia diberkas ketika cuba menyeludup syabu dan pelbagai jenis burung di Sungai Rengit, Kota Tinggi, Johor pada Ahad lalu.

ketika sedang leka memunggah tujuh raga dan kotak kayu ke dalam se-

buah bot fiber.

"Hasil pemeriksaan, menemui satu kilogram

dadah dipercayai syabu bernilai RM120,000.

"Kita juga menjumpai burung murai batu (50 ekor), wambi (100) dan poksey (40) dianggarkan bernilai RM63,600," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Khon Chiang berkata, siasatan lanjut mendapati lelaki terbabit membawa syabu dan burung disyaki untuk dijual ke negara jiran kerana mendapat permintaan tinggi.

"PPM merampas sebuah bot fiber dengan enjin sangkut jenis Yamaha 30hp bernilai RM4,200," jelasnya.

